

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PENTADBIRAN HARTA ORANG
ISLAM SECARA AL-WIŞĀYAH:
SATU KAJIAN DARI PERSPEKTIF
UNDANG-UNDANG SYARAK DAN
APLIKASINYA DI MALAYSIA**

**MOHD SIRAJUDDIN SISWADI PUTERA BIN
MOHAMED SHITH**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Doktor Falsafah
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Januari 2023

ABSTRAK

Pertambahan dan peningkatan ketara jumlah harta pusaka yang tidak dituntut atau nilai aset beku si mati dari masa ke semasa merupakan isu polemik yang masih berlarutan dalam kalangan penduduk Islam di Malaysia dan ia perlu untuk diketengahkan. Pengabaian terhadap perkara ini berkemungkinan berpunca daripada persepsi dan ketidakfahaman masyarakat Islam terhadap perancangan, pengurusan dan pentadbiran harta si mati terutamanya berkaitan pelantikan wasi atau pentadbir harta menerusi konsep al-wiṣāyah. Keadaan ini telah menyebabkan peranan individu-individu yang berkelayakan, agensi kerajaan dan swasta seperti syarikat-syarikat amanah atau wasi lantikan mahkamah sebagai pemudahcara dalam urusan pentadbiran dan pengurusan harta orang Islam begitu signifikan dan amat diperlukan. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenengahkan secara komprehensif konsep al-wiṣāyah menurut Islam secara khusus dan secara umumnya turut membahaskan konsep-konsep yang saling berkaitan dengannya berdasarkan undang-undang, peraturan dan amalan semasa. Kajian ini juga menganalisis pengamalan al-wiṣāyah dalam kalangan pentadbir harta iaitu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Amanah Raya Berhad (ARB) dan As-Salihin Trustee Berhad. Melalui pendekatan kualitatif, sebahagian besar daripada kajian ini adalah bersumberkan data primer dan sekunder melalui carian kepustakaan bagi tujuan pengumpulan data. Dengan mengambil tiga agensi seperti yang dinyatakan di atas sebagai unit analisis, sesi temu bual secara separa struktur dan teknik kumpulan sasaran turut digunapakai sebagai instrumen kajian. Seterusnya fasa analisis dan penulisan data menggunakan metod induktif, deduktif dan komparatif. Signifikannya, kajian ini diyakini mampu untuk mengisi ruang kosong di dalam kajian-kajian berkenaan konsep al-wiṣāyah di Malaysia terutamanya di dalam Bahasa Melayu, sekali gus diharap dapat memberi gambaran yang jelas tentang konsep al-wiṣāyah serta sejauh mana aplikasinya di Malaysia menepati al-maqāsid al-syar‘iyyah demi kebaikan umat Islam. Tuntasnya, kajian mendapati bahawa konsep al-wiṣāyah dan kepentingannya mula difahami oleh masyarakat Islam dan pengamalannya semakin berkembang dari masa ke semasa khususnya menerusi peranan yang dimainkan oleh pentadbir-pentadbir harta. Sementelah itu, enakmen wasiat yang semakin banyak diwartakan di negeri-negeri dilihat sejajar dengan percambahan kesedaran dalam masyarakat dewasa ini. Namun, penggubalan, pewartaan dan keseragaman enakmen ini perlu dilakukan secara holistik di seluruh negara agar urusan tadbir berkaitan al-wiṣāyah dapat dilaksana secara lebih sistematik. Sebagai rumusan, kajian ini membicarakan tentang pentadbiran harta orang Islam menerusi instrumen al-wiṣāyah dengan melihat kepada konsepnya dari persepektif syarak dan aplikasinya di Malaysia. Seterusnya mencetuskan saranan-saranan kepada masyarakat Islam tentang kepentingan al-wiṣāyah pada masa kini di mana undang-undang Islam mula mengalami era kodifikasi yang sedikit sebanyak bakal mendatangkan kesulitan dalam pengurusan dan pentadbiran harta si mati. Ia turut memberi beberapa saranan dan cadangan kepada institusi agama, individu dan agensi-agensi pentadbir harta dan pihak kerajaan cara terbaik dalam memperkasakan aplikasi al-wiṣāyah oleh masyarakat Islam di negara ini atas dasar saling menang (*win-win situation*) dan patuh Syariah.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah Rabb al-[◌]Ālamīn, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allāh S.W.T. atas limpah dan rahmat Nya yang telah memberi ketabahan dan kekuatan kepada saya di dalam menyempurnakan tesis ini. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. tercinta juga kaum keluarga baginda, para sahabat serta para tābi[◌]n yang sentiasa memperjuangkan Islam di bumi Allāh ini.

Melalui kesempatan ini, ingin saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada yang berbahagia *ustaz Prof Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil* selaku penyelia utama dan pembimbing, yang telah banyak memberikan kerjasama, pandangan dan tunjuk ajar yang berterusan dalam membantu saya menyediakan tesis ini. Penghargaan yang sama buat *ustazah Dr. Noor Lizza Mohamad* di atas kerjasama dan bimbingan yang telah dihulurkan. Tidak dilupakan juga buat *ustaz Dr. Yusof Ramli*, mantan Prof. Madya di ACIS yang telah mencurahkan ilmu dan nasihat yang tidak terhingga semasa dilantik menjadi penyelia utama sebelum bersara pada penghujung tahun 2015.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada seluruh pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), di atas segala ilmu dan budi baik yang telah disumbangkan sepanjang pengajian saya di universiti ini.

Pada kesempatan yang amat bermakna ini juga, ingin diabadikan penghargaan dan doa yang setinggi-tingginya buat al-marhum ayahanda Mohamed Shith Mohamed dan bonda Kalsom Ahd. Yahaya yang telah banyak berkorban dan sentiasa mendoakan kebaikan, kesejahteraan dan kejayaan hidup saya.

Begitu juga ucapan terima kasih untuk isteri tercinta Memiyanty Abdul Rahim, anak-anak yang dikasihi: Nur Radhiah Amirah Puteri, Muhammad Sirajuddin Shith Putera, Eisyatyne Nur Aliyyah Puteri dan Eisyateen Sofeyyah Khadiejah Puteri; kerana memberikan dorongan serta memahami perjuangan yang dilalui.

Seterusnya penghargaan saya untuk seluruh ahli keluarga yang telah banyak memberikan bantuan dan sokongan, sehingga saya boleh berada pada kedudukan ini. Semoga segala kebajikan yang telah dihadiahkan akan sentiasa mendapat keberkatan dari Allāh S.W.T.

Penghargaan yang istimewa juga dikalungkan untuk semua sahabat seperjuangan dan pelbagai pihak di atas segala bentuk bantuan dan pertolongan yang dihulurkan.

Akhirnya, saya mengharapkan serta mendoakan agar kehidupan kita umat Islam seluruhnya sentiasa aman dan bersatu padu di dalam perlindungan dan keberkatan Allāh S.W.T.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI KES	xiv
SENARAI STATUT	xvi
SENARAI SINGKATAN	xviii
JADUAL TRANSLITERASI	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	5
1.4 Tinjauan Literatur	9
1.4.1 Pembinaan Fiqh al-Wiṣāyah Sebagai Satu Konsep dan Landasan Teori	10
1.4.2 Perundangan Islam dan Pentadbiran al-Wiṣāyah Semasa	18
1.4.3 Peruntukan Undang-Undang Sivil dan Kes-Kes Mahkamah	20
1.5 Objektif Kajian	24
1.6 Skop Kajian	25
1.7 Persoalan Kajian	25
1.8 Metodologi Kajian	26
1.8.1 Fasa Pengumpulan Data	27
1.8.1.1 Struktur Pengumpulan Data	27
1.8.1.2 Metod Pengumpulan Data	28

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem Pewarisan Islam telah bertapak seiring dengan kedatangan agama Islam di Tanah Melayu. Sistem ini mula menggantikan sedikit-demi sedikit sistem tradisional apabila tahap kefahaman masyarakat terhadap undang-undang Islam semakin kukuh. Amalannya menjadi semakin ketara apabila wujud usaha-usaha di peringkat pemerintah untuk memperkasakan amalannya sebagaimana yang dituntut oleh syarak.

Salah satu daripada amalan yang sering dilakukan oleh masyarakat Islam di Tanah Melayu ialah berwasiat. Adakalanya, mereka turut berwasiat kepada individu tertentu untuk mengurus dan mentadbir harta dan keluarganya selepas kematian; yang turut dikenali dewasa ini sebagai al-wiṣāyah iaitu perlantikan wasi atau pentadbir harta. Walaupun secara pandangan mata kasarnya amalan berwasiat dan al-wiṣāyah bukan lagi asing dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia, namun pada realitinya masih terdapat kekeliruan-kekeliruan berkaitan persoalan hukum-hakam dan kaedah atau tatacara pelaksanaannya sehingga boleh menjejaskan kelicinan proses penyampaian dan pengagihan harta si mati kepada pihak-pihak yang berhak, khususnya pada era kodifikasi undang-undang syarak sekaligus mewujudkan pelbagai akta, enakmen dan kaedah-kaedah pelaksanaan yang sudah pasti sukar dihadap oleh masyarakat awam.

Justeru, dengan segala kekaburan ini – walaupun dari segi amalan ia semakin berkembang dalam masyarakat – kajian ini dilihat masih relevan, signifikan dan sesuai dengan kehendak semasa. Hasil kajiannya juga dilihat mampu meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap al-wiṣāyah seterusnya menjadi pemangkin ke arah pengamalannya, selain menjadi rujukan institusi-institusi yang berkaitan untuk merancang dan melicinkan lagi pelaksanaan al-wiṣāyah sebagaimana yang dituntut oleh syarak.